



ACASA

www.safoda.sabah.gov.my



**ANTI CORRUPTION
ACTION PLAN SAFODA**

ACASA
2023-2027

088-204142 / 088-205415

safoda.hq@gmail.com

KANDUNGAN

	Muka Surat
Isi Kandungan	i
Amanat Kepimpinan	ii
Penyataan Komitmen	iii
Mukadimah CIO	iv - v
Penghargaan	vi
Pasukan Editorial	vii
Akronim dan Singkatan	viii
Definisi	ix - x
Ringkasan Eksekutif	xi
Anti Corruption Action Plan (ACASA)	xll
BAB 1: PELAN ANTIRASUAH SAFODA	1 - 5
1.1 LATAR BELAKANG	
1.2 ISU DAN CABARAN	
1.3 DATA ANALISIS dan PENILAIAN RISIKO	
BAB 2: MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI	6 - 13
2.1 KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI	
2.2 ANALISIS KUADRAN	
2.3 KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN INISIATIF	
2.4 PELAN TINDAKAN	
2.5 RISIKO INISIATIF	
BAB 3: TADBIR URUS	14- 19
3.1 STRUKTUR TADBIR URUS	
3.2 MEKANISMA PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	
BAB 4: KESIMPULAN	20 - 22
4.1 KESIMPULAN	
4.2 HARAPAN MASA HADAPAN	
4.3 LAMPIRAN	

AMANAT KEPIMPINAN

YBG. DATUK HAMILD @ HAMID HJ. AWANG
PENGERUSI
LEMBAGA KEMAJUAN PERHUTANAN
NEGERI SABAH (SAFODA)



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA) telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan akan dikenali selepas ini sebagai **PAR SAFODA 2023 – 2027** yang menyeluruh dan mencakupi semua aspek.

PAR SAFODA 2023 – 2027 merupakan satu dokumen dasar antirasuah yang akan menjadi rujukan untuk membanteras rasuah dalam perkhidmatan pentadbiran, menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus dan integriti dalam SAFODA.

Melangkah ke hadapan, SAFODA perlu memperkasakan aspek integriti secara berterusan melalui mekanisme sedia ada seperti yang digariskan dalam Pelan Anti-Rasuah SAFODA. Saya percaya Pelan Antirasuah SAFODA ini dibangunkan untuk mencapai aspirasi supaya "**SAFODA** dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah". Sekalung penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang telah terlibat dalam membangunkan pelan ini.

Sekian.

Wabillahtaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ybhg. Datuk Hamid @Hamid Hj. Awang

Pengerusi Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA)

PENYATAAN KOMITMEN

TUAN BAHRUL RAZHA HJ. CHUPRAT
PENGURUS BESAR
LEMBAGA KEMAJUAN PERHUTANAN
NEGERI SABAH (SAFODA)



PAR SAFODA 2023 – 2027 merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan hasrat murni dan komitmen SAFODA untuk membanteras rasuah dalam perkhidmatan pentadbiran Kerajaan.

Pelan ini dibangunkan selaras dengan inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Jabatan Ketua Menteri 2019 – 2023 iaitu **Memperkuatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam yang mewajibkan sektor awam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)**.

Kerangka dasar dan strategi pelan ini terhasil daripada sesi perbengkelan Pelan Risiko Rasuah dan Pelan Antirasuah Organisasi Agensi di bawah Jabatan Ketua Menteri Tahun 2023 yang telah diadakan pada 07 Februari 2023 sehingga 10 Februari 2023. Pelan ini meliputi isu-isu luaran dan dalaman SAFODA berkaitan dengan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang harus ditangani dengan cepat, tepat dan berkesan.

Bagi merealisasikan kejayaan pelan ini, SAFODA komited dan bertekad akan memastikan segala inisiatif yang telah dirancang dapat dilaksanakan oleh seluruh warga SAFODA dengan amanah, telus dan berintegriti. Saya dengan ikhlas berharap bahawa **PAR SAFODA 2023 – 2027** ini dapat menjadi panduan serta dilaksanakan dengan strategik dan berkesan oleh warga SAFODA bagi menyumbang kepada aspirasi mencapai visi negara bebas rasuah.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Bahrul Razha Hj Chuprat

Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA)

MUKADIMAH CIO



Alhamdulillah dan syukur ke hadrat llahi kerana telah memberikan kesempatan kepada saya untuk menyiapkan Pelaksanaan Buku Pelan Antirasuah SAFODA. Dengan kesihatan yang dikurniakan, saya sangat bersyukur kerana dapat menyelesaikan dan melengkapkan tugas ini dengan lancar dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pengurus besar Encik Bahrul Razha bin Haji Chuprat yang telah memberikan perhatian dan komitmen yang tinggi dalam penyediaan Buku Pelan Antirasuah SAFODA. Seikhlas terima kasih juga buat tenaga pengajar dari Institut Integriti Malaysia (IIM) dan pihak Urusetia Jabatan Ketua Menteri yang telah banyak membantu, membimbing dan memberi dorongan sepanjang proses menyiapkan tugas yang diamanahkan.

Dengan adanya tunjuk ajar yang padu, penerangan yang jelas dan cara-cara untuk menyiapkan Buku Pelan Antirasuah, maka tugas ini dapat disiapkan dengan lancar dan sempurna. Tidak lupa juga, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa yang telah mengembleng tenaga dan masa serta idea yang mantap untuk saya menyiapkan PAR SAFODA 2023 – 2027 dengan jayanya.

Penghasilan buku ini bertujuan sebagai rujukan kepada pegawai bagi membentras rasuah, kelemahan integriti dalam agensi dan menambahbaik tadbir urus agar memperkaya pembudayaan integriti di kalangan warga SAFODA.

Buku Pelan Antirasuah ini diharapkan dapat dijadikan sebagai panduan bagi semua pegawai dalam membangunkan agensi yang bersih dan bebas rasuah.

Sekian dan terima kasih.

"Tingkatkan Integriti, Hitamkan Rasuah Dalam Diri"



Puan Misnam Binti Keliwon

Ketua Unit Integriti Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA)

PENGHARGAAN

Alhamdullillah, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa yang banyak mencetuskan idea dan kerjasama yang tidak ternilai dalam menghasilkan **PAR SAFODA 2023 – 2027**, sebagai garis panduan dalam membudayakan integriti, tadbir urus yang berkesan dan efektif dalam organisasi.

Pembudayaan integriti dalam sesebuah organisasi merupakan satu amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian dan elemen yang penting dalam penyampaian perkhidmatan terbaik dan berintegriti. Budaya Etika dan integriti yang cemerlang menjadi asas kepada peningkatan dan kualiti produktiviti organisasi. Pembentukan integriti dan akauntabiliti yang cemerlang tercapai seandainya semua warga SAFODA mempraktikkan dan memfokuskan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada YB Datuk Pengerusi dan Pengurus Besar yang telah memberi sokongan dan komitmen yang diberikan dalam melengkapkan buku **PAR SAFODA 2023 – 2027**. Ribuan terima kasih dan tahniah kepada tenaga Pengajar Institut Integriti Malaysia (IIM), Urusetia dan Pasukan Editorial yang bertungkus lumus dalam menyiapkan pelan Anti Rasuah ini.

Semoga usaha meningkatkan kesedaran integriti dan membudayakan integriti akan tercapai berdasarkan objektif yang disasarkan memberikan perkhidmatan terbaik dan berintegriti

PASUKAN EDITORIAL

Diketuai oleh:
Puan Misnam binti Keliwon

Dibantu oleh:
Puan Suzy Datu Jack Maiks
Puan Dolores binti Liwas
Puan Moren binti Mait @ Biduh
Puan Sonetha Sining
Puan Fiona Evelyn Anthony
Encik Faery Sapikin
Encik Aaron Ian Loimon
Encik Robby Lim Vui Kong



AKRONIM DAN SINGKATAN

AEC	- <i>Audit Executive Committee</i>
EIA	- <i>Environmental Impact Assessment</i>
ESG	- <i>Environmental, Social and Governance</i>
ICT	- <i>Information & Communication Technology</i>
IIM	- Institut Integriti Malaysia
PAR	- Pelan Anti Rasuah
JAR	- Jawatankuasa Antirasuah
POL	- <i>Purchase Oil Lubricant</i>
PPPANS	Peraturan - Peraturan Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah
2008	- 2008
OACP	- <i>Organizational Anti-Corruption</i>
SAFODA	- <i>Sabah Forestry Development Authority</i>
SPRM	- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

DEFINISI

Pelan Antirasuah SAFODA (PAR)

Merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga SAFODA. Ianya merangkumi isu dan cabaran, penilaian risiko luaran dan dalaman, strategik, objektif dan inisiatif-inisiatif bagi pengukuhan integriti Lembaga.

Rasuah

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun.

Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694), terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu:

- Meminta/Menerima rasuah [seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009]
- Menawar/Memberi suapan [seksyen 17(b) Akta SPRM 2009]
- Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18 Akta SPRM 2009]
- Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam [Seksyen 23 Akta SPRM 2009]

Integriti

Integriti secara umumnya bermaksud kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan kualiti ini berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi (Yusof, 2010). Di peringkat individu, integriti ialah keselarasan di antara apa yang dikatakan dengan apa yang dilakukan; keselarasan di antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang; serta keselarasan di antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Integriti juga bermaksud keikhlasan, ketelusan, amanah, benar dan berpegang kepada prinsip. Integriti yang diamalkan oleh seseorang individu akan melahirkan insan yang jujur, beretika serta memiliki nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh. Selain itu, integriti juga penting dalam membentuk pelapis kepimpinan yang berkaliber.

Tadbir Urus

Suatu sistem, struktur dan proses yang dibangunkan dalam organisasi yang disokong oleh prosedur, polisi, garis panduan serta lain-lain yang berkaitan bagi memastikan kelangsungan dan kelancaran fungsi pentadbiran di organisasi untuk mencapai objektif serta matlamat. Risiko tadbir urus berkaitan penyalahgunaan kuasa pengurusan, campur tangan politik dalam pentadbiran organisasi, prestasi syarikat, pelanggaran undang-undang berkuatkuasa.

RINGKASAN EKSEKUTIF

PAR SAFODA 2023 – 2027 merupakan satu inisiatif dalam menangani isu-isu berkaitan dengan integriti dan antirasuah. Ianya juga satu dasar dan dokumen rujukan lengkap kepada semua warga SAFODA agar setiap kakitangan Lembaga dapat memainkan peranan dalam meningkatkan pembudayaan integriti dan bebas rasuah dalam organisasi. Dasar ini diyakini akan dibuktikan melalui empat (4) bidang keutamaan yang bertunjangkan keutuhan nilai integriti dan tadbir urus terbaik ke arah melestarikan dan membudayakan integriti.

BAB 01 - PENGENALAN

Bab ini memfokuskan latar belakang inisiatif-inisiatif SAFODA dalam memantapkan pembudayaan integriti, tadbir urus terbaik dan pemberantasan rasuah. Bagi memastikan keberkesanan strategi-strategi yang digariskan dalam pelan ini, Pengurus-Pengurus/ Ketua Bahagian telah meneliti, menganalisis, seterusnya menyenaraikan isu, cabaran dan risiko yang akan menentukan Visi, Misi dan Hala tuju SAFODA yang lebih jelas dalam memerangi rasuah.

BAB 02 - MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI

Bab ini telah menetapkan empat (4) bidang keutamaan yang akan menjadi teras dalam usaha pemberantasan rasuah seperti yang dinyatakan dalam Bab 3. Empat (4) bidang keutamaan tersebut adalah Pengurusan Operasi, Kewangan dan Perolehan, Khidmat Pengurusan dan Tadbir Urus Korporat. Berdasarkan empat (4) bidang keutamaan tersebut, sebanyak 4 Strategi, 11 Objektif Strategik, dan 75 inisiatif telah didaftarkan di bawah pelan ini untuk dijayakan dalam tempoh lima (5) tahun. Penetapan pengukuran-pengukuran tersebut adalah berdasarkan kajian teliti, perbincangan strategik, analisis risiko dan penetapan risiko utama yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai berdedikasi dan komited di SAFODA.

BAB 03 - TADBIR URUS

Bab ini memfokuskan kepada aspek pemantauan dan penilaian. Pemantauan dan penilaian merupakan elemen yang sangat penting bagi memastikan langkah-langkah yang dilaksanakan bersesuaian dengan objektif yang ditetapkan. Selain itu, bab ini turut menggariskan pendekatan-pendekatan yang boleh diambil bagi mengenalpasti jurang dalam pelaksanaan inisiatif atau program agar perancangan dapat diselaraskan untuk mencapai hasil yang diinginkan.

Bab 4 - KESIMPULAN

Bab ini merumuskan pelan tindakan OACP SAFODA 2023-2027 yang merangkumi elemen tadbir urus, integriti dan antirasuah.

ANTI CORRUPTION ACTION PLAN SAFODA (ACASA)

Anti Corruption Action Plan SAFODA atau singkatannya **ACASA** merupakan nama buku Pelan Antirasuah SAFODA. Pemilihan nama buku mempunyai maksud yang tersendiri seperti yang dinyatakan dibawah ;

AC - “*ACACIA MANGIUM*” Dikaitkan dengan pokok akasia, iaitu produk utama SAFODA sendiri, dimana pokok ini cepat membesar dan boleh tumbuh di mana-mana kawasan sesuai dengan Pelan tindakan Anti Rasuah SAFODA yang boleh memberi kesan pantas dan diterima pakai walaupun sesuatu situasi atau risiko itu ada pelbagai.

A – “*ACTION PLAN*” Pelan tindakan Anti Rasuah SAFODA atau dikenali sebagai ACASA adalah sebagai panduan yang komprehensif dan inklusif berperanan mengawal integriti dalam SAFODA secara holistik untuk memastikan penyampaian perkhidmatan SAFODA dapat ditingkatkan lagi dari sudut kecekapan, ketelusan, dan akauntabiliti serta sentiasa bebas daripada amalan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa

SA – SAFODA merupakan singkatan bagi Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah




BAB 01

PENGENALAN PELAN ANTIRASUAH SAFODA

1.1 LATAR BELAKANG

Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA) adalah Badan Berkanun di bawah Kerajaan Negeri Sabah yang ditubuhkan apabila Enakmen No. 20, 1976 diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri Sabah pada 24 Disember 1976. Enakmen tersebut telah berkuatkuasa pada 01 Januari 1977. Enakmen No. 20, 1976 telah diganti dengan Enakmen No. 24, 1981 untuk memperkuatkan lagi hal-hal berhubung perlumbagaan, prosedur, pentadbiran, fungsi-fungsi dan kewangan SAFODA. Antara fungsi utama Lembaga ialah menjalankan atau menyelia kawasan-kawasan yang sesuai untuk pembangunan ladang hutan dan penanaman semula.

SAFODA mempunyai beberapa lokasi:



- ✓ **Ibu Pejabat** – Daerah Kota Kinabalu
- ✓ **Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan**, Kinarut – Daerah Papar
- ✓ Wilayah Utara - Daerah Kota Belud, Kota Marudu, Pitas, Selatan dan Kudat
- ✓ Wilayah Selatan – Daerah Tambunan, Keningau dan Sook
- ✓ Wilayah Barat – Daerah Papar, Beaufort dan Sipitang
- ✓ Wilayah Bengkoka – Daerah Pitas

Visi

Menjadikan SAFODA sebagai agensi yang berintegriti dalam pembangunan ladang hutan hibrid.

Misi

Memantapkan budaya kerja berintegriti di SAFODA dalam membangunkan perladangan hutan hibrid dan mewujudkan sumber bekalan kayu berkualiti secara mapan.

Objektif



Objektif Primer SAFODA

- Membangun kawasan tanah secara komersil untuk pengeluaran kayu serta hasil ladang hutan;
- Memaksimakan penggunaan kawasan tanah kepada penggunaan tanah yang lebih menguntungkan dan mengurangkan kebergantungan kepada geran kerajaan;
- Memulih serta mengekalkan keseimbangan alam sekitar melalui aktiviti penghutanan dan penghutanan semula berteraskan falsafah Environmental Social and Governance (ESG);
- Menggalakkan penyertaan aktif sektor swasta dalam ladang perhutanan dan/atau aktiviti hiliran;
- Pendigitalan SAFODA.



Objektif Sekunder SAFODA

- Meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan teknik perladangan hutan, pemprosesan hiliran dan pemasaran;
- Meningkatkan ketrampilan kakitangan SAFODA melalui program-program pendidikan dan latihan dalam industri kehutanan;
- Meningkatkan status sosio-ekonomi penduduk pendesaan tempatan.

ISU DAN CABARAN

Pengaruh dan campur tangan politik

Campur tangan ahli politik dalam pentadbiran SAFODA bukanlah sesuatu yang baharu. Isu campur tangan ini berlaku di beberapa peringkat pentadbiran yang boleh melemahkan tadbir urus korporat SAFODA. Oleh itu, pewujudan Pelan Anti Rasuah ini adalah satu alat yang berupaya memerangi pengaruh ataupun campur tangan ahli politik dalam urusan rasmi SAFODA.

Polisi Anti Rasuah SAFODA belum diwujudkan

SAFODA sedia maklum bahawa Polisi Anti Rasuah perlu diwujudkan dalam tempoh yang terdekat. Polisi ini boleh menjadi satu panduan yang jelas kepada pegawai, kakitangan dan pihak berkepentingan dalam menangani rasuah di semua peringkat pentadbiran SAFODA di samping meningkatkan nilai integriti.

Kelemahan kepimpinan, penguatkuasaan dan pemantauan

Kepimpinan, penguatkuasaan dan pemantauan yang lemah dalam SAFODA boleh membuka ruang kepada risiko rasuah. Dengan memperkuuh ketegasan dalam aspek penguatkuasaan dan pemantauan, SAFODA boleh melaksanakan kawalan antirasuah dengan lebih efektif. Rasuah juga boleh dibendung dengan segera.

Penggunaan teknologi baru dalam menangani rasuah yang terhad.

Kekangan dalam penggunaan teknologi baru seperti kepakaran dan kelengkapan yang terhad.

Kelengkapan yang terhad mengakibatkan usaha menangani rasuah kurang berkesan. Oleh itu, SAFODA harus memberi perhatian khusus dalam membangunkan penggunaan teknologi yang maju dalam usaha megurus isu-isu berkaitan integriti.

1.2 DATA ANALISIS dan PENILAIAN RISIKO

Berdasarkan data statistik kes-kes SPRM (rujukan: SPRM.SBH.20/5/31.6(3)), tiada maklumat yang diterima melalui hasil semakan yang melibatkan kes rasuah SAFODA dari tahun 2020 sehingga 2022. Oleh itu, SAFODA tidak mempunyai data untuk dimasukkan ke dalam sub bab 1.3.

1.3 BIDANG-BIDANG RISIKO

Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA) mempunyai empat (4) bidang keutaaman yang terdiri daripada Pengurusan Operasi, Kewangan dan Perolehan, Khidmat Pengurusan dan Tadbir Urus Korporat. **PAR SAFODA 2023 – 2027** ini diwujudkan selaras dengan hasrat dan matlamat Kerajaan bagi menangani isu rasuah, tadbir urus dan isu integriti yang berlaku dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan.

Kesemua bidang keutamaan ini mempunyai **visi dan misi** yang sejajar dengan pembentukan Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA) iaitu menjadi agensi yang paling utama dalam pembangunan ladang hutan hybrid yang akan mewujudkan sumber bekalan kayu yang berkualiti serta mapan. Bagi merealisasikan matlamat Pelan Antirasuah Agensi, pihak Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA) memberikan sepenuhnya komitmen dan ikhtizam dalam melahirkan warga kerja yang bebas dari rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang melibatkan kakitangan agar harapan negara untuk melonjakkan bidang latihan kemahiran ke persada dunia dan mencapai matlamatnya seiring dengan aspirasi **PAR SAFODA 2023 – 2027**.



BAB 02

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI


2.1 KERANGKA PELAN ANTIRASUAH AGENSI

VISI	Menjadikan SAFODA sebagai agensi yang berintegriti dalam pembangunan ladang hutan							
MISI	Memantapkan budaya kerja berintegriti di SAFODA dalam membangunkan perladangan hutan hibrid dan mewujudkan sumber bekalan kayu berkualiti secara mapan							
MATLAMAT	Meningkatkan nilai integriti, akauntabiliti dan kredebiliti dalam penyampaian perkhidmatan SAFODA							
BIDANG KEUTAMAAN	PENGURUSAN OPERASI		KEWANGAN DAN PEROLEHAN	KHIDMAT PENGURUSAN			TADBIR URUS KORPORAT	
	Ladang	Pemetaan	Kewangan	Perolehan	Pengurus/Ketua Bahagian	Sumber Manusia	Teknologi Maklumat	Integriti
STRATEGI	Mempertingkat keberkesanan pembangunan ladang hutan untuk mengekalkan kemapanan sumber kayu		Memperkuuh akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan dan perolehan		Memperkuuh kecekapan penyampaian perkhidmatan dan sumber manusia			Merekayasa tadbir urus korporat yang baik dan berintegriti
OBJEKTIF STRATEGI	Meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber dan ladang hutan		Mempertingkat ketelusan penurusan kewangan dan perolehan SAFODA		Meningkatkan penggunaan teknologi yang terkini secara holistik	Meningkatkan ketelusan dalam pengurusan pentadbiran	Memastikan ketelusan semua pihak untuk mengawal entiti korporat agensi	

RINGKASAN PELAN TINDAKAN OACP SAFODA

BIDANG KEUTAMAAN	OBJEKTIF STRATEGIK		INISIATIF
Tadbir Urus Korporat	Objektif Strategik 1.1	Memastikan ketelusan semua pihak untuk mengawal entiti korporat Agensi	1
	JUMLAH		1
Khidmat Pengurusan	Objektif Strategik 2.1	Meningkatkan penggunaan teknologi yang terkini secara holistik	1
	Objektif Strategik 2.2	Meningkatkan ketulusan dalam pengurusan pentadbiran	1
		JUMLAH	
Kewangan dan Perolehan	Objektif Strategik 3.1	Mempertingkat ketulusan kewangan dan perolehan SAFODA	2
	JUMLAH		2
Pengurusan Operasi	Objektif Strategik 4.1	Meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber dan ladang hutan	2
	JUMLAH		2
JUMLAH BESAR			7

2.2. ANALISIS KUADRAN



2.3. KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN INISIATIF

- Strategi 1 : Merekayasa tadbir urus korporat yang baik dan berintegriti.
- Strategi 2 : Memperkuuh kecekapan penyampaian perkhidmatan dan sumber manusia
- Strategi 3 : Memperkuuh Akauntabiliti dan Integriti dalam Pengurusan Kewangan dan Perolehan
- Strategi 4 : Meningkatkan keberkesanan dalam pelaksanaan kajian dan pengurusan sumber secara optimum

Bil.	Inisiatif	Kuadran	Strategi
1	Membangunkan garis panduan dalam menangani permohonan individu berpengaruh	A	1
2	Membangunkan sistem pengurusan rekod yang lebih sistematik	B	2
3	Mewujudkan sistem pemilihan calon secara elektronik	B	2
4	Menambahbaik/memperkuuhkan SOP kajian pasaran	A	3
5	Melaksanakan dan menambahbaik <i>Integrity Pact</i> di SAFODA	A	3
6	Tambah baik proses sedia ada	A	4
7	Ketekunan wajar bagi pencepatan kawasan	A	4

2.4. PELAN TINDAKAN

Bidang Keutamaan : Tadbir Urus Korporat

Strategi 1 : Merekayasa tadbir urus korporat yang baik dan berintegriti

Objektif Strategik 1.1 : Memastikan ketelusan semua pihak untuk mengawal entiti korporat Agensi

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Siap
1.1.1	Membangunkan garis panduan dalam menangani permohonan individu berpengaruh	Unit Integriti	5 Tahun (2023 - 2027)

Bidang Keutamaan : Khidmat Pengurusan

Strategi 2 : Memperkuuh kecekapan penyampaian perkhidmatan dan sumber manusia

Objektif Strategik 2.1 : Meningkatkan penggunaan teknologi yang terkini secara holistik

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Siap
2.1.1	Membangunkan sistem pengurusan rekod yang lebih sistematis	Unit ICT	1 Tahun (2023)

Bidang Keutamaan: : Khidmat Pegurusan

Strategi 2 : Memperkuuh kecekapan penyampaian perkhidmatan dan sumber manusia

Objektif Strategik 2.2 : Meningkatkan ketelusan dalam pengurusan pentadbiran

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Siap
2.2.1	Mewujudkan sistem pemilihan calon secara elektronik	Unit ICT/Sumber Manusia	2 Tahun (2023 - 2024)

- Bidang Keutamaan** : Kewangan dan Perolehan
- Strategi 3** : Memperkuuh akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan dan perolehan
- Objektif Strategik 3.1** : Mempertingkat ketelusan penurusan kewangan dan perolehan SAFODA

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Siap
3.1.1	Menambahbaik/memperkuuhkan SOP kajian pasaran	Kewangan dan Perolehan	2 Tahun (2023 - 2024)
3.1.2	Melaksanakan dan menambahbaik <i>Integrity Pact</i> di SAFODA	Kewangan dan Perolehan	1 Tahun (2023)

- Bidang Keutamaan** : Pengurusan Operasi
- Strategi 4** : Mempertingkat keberkesanan pembangunan ladang hutan untuk mengekalkan kemapanan sumber kayu
- Objektif Strategik 4.2** : Meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber dan ladang hutan

Bil.	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Siap
4.1.1	Tambah baik proses sedia ada	Pengurusan Operasi	5 Tahun (2023 - 2027)
4.1.2	Ketekunan wajar bagi penempadan kawasan	Pengurusan Operasi	5 Tahun (2023 - 2027)

2.5. RISIKO INISIATIF

Bil.	Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Siap	Bidang Keutamaan
1	Manipulasikan kajian pasaran dalam urusan perolehan	Menambahbaik/memperkuuhkan SOP kajian pasaran	Pengurus/Ketua Bahagian	2 tahun (2022 - 2023)	Kewangan dan Perolehan
2	Penyelewengan hasil balak dan <i>cuplump (kentalan)</i>	Tambah baik proses sedia ada	Unit Ladang	5 Tahun (2023 - 2027)	Pengurusan Operasi
3	Membuat pakatan antara pemohon dan pegawai untuk mengeluarkan kawasan SAFODA untuk kepentingan peribadi.	Ketekunan wajar bagi pensem padanan kawasan.	Unit Pemetaan	5 Tahun (2023 - 2027)	Pengurusan Operasi
4	Campurtangan individu yang mempunyai kedudukan dan kuasa (wahyu)	Membangunkan garis panduan dalam menangani permohonan individu berpengaruh	Unit Integriti	5 Tahun (2023 - 2027)	Tadbir Urus Korporat
5	Menerima rasuah untuk membocorkan maklumat perolehan di peringkat sebutharga dan tender	Melaksanakan dan menambahbaik Integrity Pact di SAFODA	Unit perolehan	1 Tahun (2023)	Kewangan dan Perolehan
6	Menghapus rekod sensitif untuk melenyapkan bukti kes	Membangunkan sistem pengurusan rekod yang lebih sistematik	Unit Ict	1Tahun (2023)	Khidmat Pengurusan
7	Salah guna kuasa untuk mengubah keputusan temuduga secara manual	Mewujudkan sistem pemilihan calon secara elektronik	Unit ICT/Sumber Manusia	2 Tahun (2023 - 2024)	Khidmat Pengurusan



BAB 03

TADBIR URUS

BAB 3 TADBIR URUS

3.1. STRUKTUR TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

JAWATANKUASA ANTIRASUAH NEGERI	<ul style="list-style-type: none">Menasihati dan memberi arahan untuk memastikan kemampuan PAR SAFODA
KETUA JABATAN SAFODA	<ul style="list-style-type: none">Menerima laporan pemantauan dan penilaian
JAWATANKUASA ANTIRASUAH SAFODA	<ul style="list-style-type: none">Memeriksa laporanMengemuka keputusan dan mewujudkan dasar yang berkaitanMengenal pasti penyelesaian terbaikMengesyorkan dasarMengesyorkan dasar




3.2. MEKANISME PENYELARASAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

PENYELARASAN	
PEMANTAUAN	PENILAIAN
<ul style="list-style-type: none"> Menjelaskan objektif program Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap) Melaporkan kemajuan kepada Pengurusan Tertinggi berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan 	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang dicapai Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang Memberikan maklumbalas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan

PERINGKAT PENILAIAN

Laporan dikemukakan oleh Penyelaras
Jabatan/Agenzi kepada JAR Negeri



3.2.1 PEMANTAUAN MELALUI PELAPORAN

Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran) sebagai Urus setia Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Jabatan Ketua Menteri (JKM) bertanggungjawab melaksanakan pemantauan terhadap proses pembangunan serta pelaksanaan semua inisiatif yang terkandung di dalam pelan OACP.

Penyelarasan pelaporan terbahagi kepada dua (2) fasa iaitu Fasa Pembangunan Buku OACP Tahun 2023-2027 (Fasa I) dan Fasa Pelaporan Pencapaian Inisiatif (Fasa II). Fasa I akan merangkumi tempoh pelaporan sebelum buku OACP dilancarkan manakala Fasa II akan merangkumi tempoh pelaporan selepas buku OACP dilancarkan. Pelaporan-pelaporan tersebut perlu dihantar ke Urus setia.

A. PELAPORAN FASA I: PEMBANGUNAN BUKU OACP TAHUN 2023-2027 Contoh Carta Perbatuan Pembangunan Buku OACP 2023-2027

NO.	AKTIVITI PELAKU	JANGKA WAKTU	DARAH JADATAN KETUA MENTERI												CATATAN	JUMLAH PERCERAPAN	PENGARAH
			1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12			
1	Bersambutan Testimoni & Penyerahan Akta dan Organisasi (O&O)														OHL 12 Jan 2023 - Yarham jpt. 1st	5%	5%
	(a) Testimoni Penyerahan O&O & OACP														14 Disember 2023 - Majlis Perasmian Kabinet Sempena HOD 1st Februari 2024 - Kons. Persemasaan baru O&O	5%	5%
	(i) Kehadiran perwakilan mewakili Majlis Perasmian Organisasi														Kons. Persemasaan baru O&O	5%	5%
	(ii) Penyerahan Sertifikat Penilaian Pembangunan & Pengurusan (O&O- O&P) 2023														28 April 2024 - JPPD-188-931	4%	4%
	(iii) Penyerahan Akta dan Organisasi O&O														21-22 Februari 2024 - Bersambutan O&O	5%	5%
	(iv) Penyerahan Bantuan suatu bagi tawar berdasarkan O&O														21-22 Februari 2024 - Bersambutan O&O	5%	5%
2	Bersambutan Penyerahan Paket Resmi (O&O) (O&O)														21-22 Februari 2024 - Bersambutan O&O		
	(i) Penyerahan bantuan paket Paket Resmi, Imej dan Telefon List														21-22 Februari 2024 - Bersambutan O&O	5%	5%
	(ii) Meraikan Selangkah Kedudukan O&O														21-22 Februari 2024 - Bersambutan O&O	5%	5%
	(iii) Meraikan Selangkah Kedudukan O&O														21-22 Februari 2024 - Bersambutan O&O	10%	10%
	(iv) Meraikan Selangkah Kedudukan O&O														21-22 Februari 2024 - Bersambutan O&O	10%	10%
	(v) Meraikan Selangkah Kedudukan O&O														21-22 Februari 2024 - Bersambutan O&O	5%	5%
	(vi) Meraikan Selangkah Kedudukan O&O														21-22 Februari 2024 - Bersambutan O&O	5%	5%
3	Bersambutan O&O (O&O)														Jumlah Percerapan	100%	100%
	(i) Memperkenalkan bantuan & peralatan kerja kepada O&O																
	(ii) Memperkenalkan bantuan & peralatan kerja kepada O&O																
	(iii) Menghadiri / Tamat Penilaian & Penyerahan O&O																
	(iv) Meraikan Selangkah Kedudukan O&O (O&O)																
	(v) Meraikan Selangkah Kedudukan O&O (O&O)																
	(vi) Meraikan Selangkah Kedudukan O&O (O&O)																
4	Bersambutan Bantuan O&O (O&O)																
	(i) Penyerahan Bantuan O&O (O&O)																
	(ii) Penyerahan Bantuan O&O (O&O)																
	(iii) Penyerahan Bantuan O&O (O&O)																
	(iv) Penyerahan Bantuan O&O (O&O)																
	(v) Penyerahan Bantuan O&O (O&O)																
	(vi) Penyerahan Bantuan O&O (O&O)																

B. PELAPORAN FASA II: PELAPORAN PENCAPAIAN INISIATIF

i. Ringkasan Pelan Tindakan

RINGKASAN PELAN TINDAKAN

BIDANG KEUTAMAAN	OBJEKTIF STRATEGIK (OS)	INISIATIF
TADBIR URUS KORPORAT	OS 1.1 Memastikan ketelusan semua pihak untuk mengawal entiti korporat Agensi	1
	JUMLAH	1
KHIDMAT PENGURUSAN	OS 2.1 Meningkatkan penggunaan teknologi yang terkini secara holistik	1
	OS 2.2 Meningkatkan ketelusan dalam pengurusan pentadbiran	1
	JUMLAH	2
KEWANGAN DAN PEROLEHAN	OS 3.1 Mempertingkat ketelusan kewangan dan perolehan SAFODA	2
	JUMLAH	2
PENGURUSAN OPERASI	OS 4.1 Meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber dan ladang hutan	2
	JUMLAH	2
JUMLAH BESAR		7

Bagi Pelaporan Fasa II, penyediaan laporan seperti berikut perlu dikemukakan kepada Urus setia setiap suku tahun:

ii. Contoh Borang Pemantauan Bahagian/Unit Pelaksana Pelan Antirasuah Organisasi

Borang Keutamaan	Penilaian	No Inisiatif	Inisiatif	Kriteria Pengukuran						Status Pelaksanaan	Tarikh Pelaksanaan (Tahun)	Catatan
				2003	2004	2005	2006	2007	TOTAL			
III	211		Mewujudkan peningkatan Teknologi bagi kumpulan							I	3 Tahun (2003-2005)	
Integrasi	212		Mewujudkan peningkatan pengetahuan masyarakat mengenai SAFODA							I	3 Tahun (2003-2005)	
Integriti	213		Mewujudkan GPS di dalam keriduan agensi							I	3 Tahun (2003-2005)	
Borang Keutamaan				2003	2004	2005	2006	2007	TOTAL	Status Pelaksanaan	Tarikh Pelaksanaan (Tahun)	Catatan
Integriti	214		Mempersiapkan para pengurusan dan pelaksana untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka							I	3 Tahun (2003-2005)	
Kawalan	215		Mewujudkan sistem kawalan dan pengawasan yang baik							I	3 Tahun (2003-2005)	
Kawangan	216		Mewujudkan proses kawalan dalam pengurusan kitaran persegu							I	3 Tahun (2003-2005)	
Borang Keutamaan				2003	2004	2005	2006	2007	TOTAL	Status Pelaksanaan	Tarikh Pelaksanaan (Tahun)	Catatan
Pelaksana	411		Membangunkan jadual pemerkongsian							I	3 Tahun (2003-2005)	
Pelaksana	412		Mewujudkan sistem komunikasi yang baik							I	3 Tahun (2003-2005)	
Lajang	221		Mewujudkan keserasian antara kapasiti pegawai dan penugasan							I	3 Tahun (2003-2005)	
										I		

iii. Contoh Borang Pelaporan Bahagian/Unit Pelaksana Pelan Antirasuah Organisasi

BIDANG KEUTAMAAN - KHIDMAT PENGURUSAN				
STRATEGI : Memperkuuh kecekapan penyampaian perkhidmatan dan sumber manusia				
OBJEKTIF STRATEGI : Merekayasa kecekapan perkhidmatan lewat tadbir urus yang baik				
INISIATIF 2.3.1 Memberi kursus berpandukan PPPANS kepada kakitangan SAFODA				
BIL.	AKTIVITI	TEMPOH PELAKSANAAN	TARIKH PELAKSANAAN	STATUS (YA/TIDAK)
1				
2				
3				
4				
5				

Disediakan oleh :

Nama Pegawai :

Jawatan :

Bahagian/Unit :

Tarikh :

Secara ringkasnya, koordinasi pemantauan dan penilaian PAR organisasi adalah untuk mempertingkatkan komitmen, kebertanggungjawaban serta akauntabiliti semua pihak yang terlibat untuk membanteras rasuah.



BAB 04

KESIMPULAN

4.1. KESIMPULAN

PAR SAFODA 2023 – 2027 ini dirangka sebagai garis panduan dan rujukan kepada seluruh warga SAFODA ke arah memastikan sistem penyampaian dan perkhidmatan yang cekap disamping menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus serta menghadapi cabaran dalaman dan luaran dari pelbagai aspek.

Kejayaan Pelan Tindakan dan pelaksanaan **PAR SAFODA 2023 – 2027** ini memerlukan komitmen yang tinggi dan penglibatan daripada semua pihak agar semua inisiatif yang telah dikenal pasti dapat dilaksanakan secara konsisten dan di nilai secara berterusan dari masa ke semasa.

4.2. HARAPAN MASA HADAPAN

Penyediaan **PAR SAFODA 2023 – 2027** ini akan menjadi rujukan SAFODA dalam membuat analisis, penilaian dan langkah-langkah mencegah serta membanteras risiko rasuah selaras dengan dasar kerajaan dalam membasi jenayah rasuah.

Sehubungan itu, organisasi akan dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan dalam mencapai objektif organisasi. Pelaksanaan **PAR SAFODA 2023 – 2027** ini juga diharapkan dapat membina kepercayaan masyarakat terhadap ketelusan organisasi dalam usaha membantu kerjaan negeri dalam sektor pembangunan ekonomi.

4.3 LAMPIRAN





ACASA

www.safoda.sabah.gov.my

ANTI CORRUPTION ACTION PLAN SAFODA

088-204142 / 088-205415

safoda.hq@gmail.com